
FAKTOR KELUARGA DAN SEKOLAH TERHADAP MURID BERISIKO CICIR: KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

*Annie Jerry¹ & Mohd Muslim Md Zalli²

^{1,2}Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak,
Malaysia, 35900, Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

**Corresponding email: mynierzerry@gmail.com*

Received date: 12 Jun 2024; Accepted date: 7 Nov 2024

DOI: <https://doi.org/10.51200/sapj.v12i2.5627>

Abstrak: Isu keciciran pendidikan memberi impak negatif kepada individu, keluarga, masyarakat dan negara. Bagi memahami fenomena ini, menjadi satu keperluan untuk mendalami punca yang menyebabkan individu mengambil keputusan untuk berhenti sekolah. Namun begitu, instrumen yang mengukur pengaruh persekitaran keluarga dan sekolah dalam konteks Malaysia adalah masih terhad. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk menilai aspek kesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen faktor persekitaran keluarga dan sekolah terhadap murid berisiko cicir telah dijalankan ke atas 110 orang murid sekolah menengah berisiko cicir yang berumur 16 tahun. Dalam kajian ini, satu set soal selidik telah diadaptasi dan diubahsuai mengikut konteks Malaysia. Soal selidik ini telah melalui proses terjemahan *back-to-back*, kesahan kandungan, kesahan muka dan kesahan konstruk. Kesahan konstruk diperoleh melalui pelaksanaan Analisis Penerokaan Faktor (*Exploratory Factor Analysis, EFA*) menggunakan perisian IBM-SPSS versi 26. Dapatkan kajian menunjukkan ujian Bartlett adalah signifikan dan nilai Kaiser-Meyer-Olkin adalah melebihi 0.6. Jumlah keseluruhan item pada awalnya adalah 16 item, setelah prosedur EFA dijalankan 14 item dikekalkan manakala dua item digugurkan kerana nilai faktor muatan yang rendah. Nilai Alpha Cronbach bagi semua konstruk adalah melebihi 0.7. Melalui dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa item yang terdapat dalam instrumen faktor persekitaran keluarga dan sekolah dapat diukur dan sesuai digunakan untuk menjawab objektif kajian. Oleh itu, instrumen untuk mengukur faktor persekitaran keluarga dan sekolah dalam kalangan murid berisiko cicir dapat diaplikasikan dalam kajian seterusnya.

Kata Kunci: Murid Berisiko Cicir, Keluarga, Sekolah, Analisis Penerokaan Faktor

Abstract: *The issue of school dropout has widespread ramifications, affecting individuals, families, communities, and nations negatively. Understanding the underlying reasons behind student dropout rates is crucial to tackling this issue effectively. Existing literature suggests that family and school environments significantly increase dropout risks. However, in the Malaysian context, instrument are limited to assess these influences accurately. Therefore, this study conducted a cross-sectional investigation involving 110 high school students, aged 16, deemed at risk of dropping out. Tailored questionnaires were developed specifically for this study, aligning with the Malaysian context, and underwent rigorous validation procedures, including face, construct, and content validity, as well as back-to-back translation. Employing IBM-SPSS software, exploratory factor analysis (EFA) was utilized to ensure construct validity. Results revealed the significance of Bartlett's test and a Kaiser-Meyer-Olkin value exceeding 0.6. Initially comprising 16 items, the instrument was refined through EFA, retaining 14 items while discarding two due to low factor loading values. Each construct demonstrated a Cronbach's Alpha value exceeding 0.7. The findings affirm the feasibility and appropriateness of the developed family and school environment instrument for assessing dropout risk factors. Subsequent studies can employ these instruments to gauge the influence of family and school environments on students at risk of dropping out.*

Keywords: *Dropout School Student, Family, School, Exploratory Analysis Factor*

PENGENALAN

Keciciran pendidikan merupakan isu pendidikan global yang masih wujud meskipun dunia semakin maju seiring dengan evolusi teknologi. Usaha untuk mengatasi cabaran ini terus dilakukan pada peringkat global melalui Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (*Sustainable Development Goal 4, SDG4*) yang diperkenalkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berhasrat untuk memastikan individu mendapat peluang menerima pendidikan secara inklusif dan saksama serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat menjelang tahun 2030 (Sacco & Le Rose, 2022; Awang Hashim et al., 2024). Berkait rapat dengan matlamat SDG4, negara Kesatuan Eropah kini memberi penekanan kepada strategi untuk mengurangkan kadar keciciran kurang daripada 10 peratus. Namun, pandemik Covid-19 yang melanda dunia meningkatkan lagi kadar keciciran pendidikan apabila dianggarkan lebih daripada 153 juta kanak-kanak hilang separuh daripada masa pembelajaran

sepanjang tempoh dua tahun (*United Nation Children's Fund [UNICEF]*, 2022).

Bagi negara membangun seperti Malaysia, keciciran pendidikan menjadi cabaran yang belum menemui titik penyelesaian meskipun pelbagai inisiatif telah dilakukan (Morshidi & Jusoh, 2019; Zakari *et al.*, 2022; Awang Hashim *et al.*, 2024). Secara umumnya, program pendidikan yang dikelolakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terbahagi kepada pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan lepas menengah seperti Tingkatan Enam dan matrikulasi. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, didapati berlaku keciciran murid yang membimbangkan di peringkat sekolah menengah (KPM, 2018; Morshidi & Jusoh; Awang Hashim *et al.*, 2024). Berdasarkan statistik KPM pada tahun 2022, sebanyak 0.99 peratus keciciran berlaku di peringkat menengah berbanding 0.07 peratus di peringkat rendah (Laporan PPPM KPM, 2022). Hasrat untuk mencapai enrolmen sangat menjelang tahun 2020 seperti yang terkandung dalam anjakan satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) masih belum tercapai sepenuhnya apabila kadar enrolmen yang dicatatkan di peringkat sekolah menengah pada tahun 2022 hanya 89.97% (Laporan PPPM KPM, 2022).

Keciciran pendidikan yang tidak dibendung mendatangkan impak negatif kepada rantai sistem secara keseluruhan bermula daripada individu, keluarga, masyarakat dan negara (Morshidi & Jusoh, 2019; Gil *et al.*, 2020; Lawrence & Adebawale, 2022; Zakari *et al.*, 2022; Awang Hashim *et al.*, 2024). Peningkatan masalah literasi kesan daripada keciciran pendidikan, kegagalan memperoleh kelayakan minima yang diperlukan dalam sektor pekerjaan membawa kepada pengurangan jumlah pendapatan sehingga menyebabkan kadar kemiskinan semakin tinggi (Koc *et al.*, 2020; Sacco & Le Rose, 2022; Awang Hashim *et al.*, 2024). Walhal, UNICEF (2022) memberi anggaran bahawa dengan pendidikan individu boleh menambahkan pendapatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 18%. Pembaziran sumber daya manusia berkemahiran dan berilmu tinggi yang berlaku boleh menjelaskan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Manakala, dari perspektif sosial peningkatan kadar cicir menyumbang kepada berlakunya masalah sosial seperti kehamilan remaja, jenayah, keganasan dan penyalahgunaan dadah (Morshidi & Jusoh, 2019; Gil *et al.*, 2020; Lawrence & Adebawale, 2022).

Keperluan untuk memahami punca yang menyumbang kepada peningkatan kadar keciciran di Malaysia merupakan langkah awal yang harus dilakukan (Zakari *et al.*, 2022; Awang Hashim *et al.*, 2024). Dapatkan kajian-kajian lepas menemukan banyak faktor yang menjadi punca keciciran seperti faktor individu murid, pengaruh persekitaran sekolah, faktor institusi keluarga dan komuniti (Morshidi & Jusoh, 2019; Gil *et al.*, 2020; Lawrence & Adebowale, 2022). Seiring dengan penemuan punca keciciran daripada kajian lepas, instrumen turut dibangunkan sebagai alat bagi pengumpulan data kajian. Namun begitu, sumber instrumen sedia ada kebanyakannya dibangunkan oleh pengkaji luar negara (Gardner *et al.*, 2008; Aldridge & Ala 'I, 2013; Carlotta *et al.*, 2014; Gage *et al.*, 2015; Grazia & Molinari, 2021). Bahasa yang digunakan dalam instrumen tersebut juga adalah bahasa asing seperti bahasa Inggeris. Oleh itu, instrumen sedia ada perlu diadaptasi dan diubahsuai supaya lebih seiring dengan konteks tempatan dari segi budaya, latar belakang dan bahasa seperti melakukan terjemahan item daripada bahasa asing kepada bahasa Melayu.

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menilai aspek kesahan dan kebolehpercayaan bagi instrumen faktor persekitaran keluarga dan sekolah terhadap murid berisiko cicir peringkat sekolah menengah di Malaysia.

Murid Berisiko Cicir

Istilah *early school leaving* yang sering digunakan Kesatuan Eropah merujuk kepada individu yang meninggalkan persekolahan tanpa memperoleh kelayakan minima atau setaraf (Serna & Martinez, 2019). Manakala, Chung dan Lee (2019) memperincikan bahawa terdapat perbezaan definisi bagi remaja di luar sistem persekolahan (*out-of-school youths*) dan pelajar yang berisiko (*at-risk youth*). Remaja di luar sekolah merupakan remaja berumur di bawah 19 tahun yang tidak mengikuti sistem persekolahan. Manakala, remaja berisiko (*at-risk youth*) merujuk kepada remaja yang terdedah kepada risiko persekitaran dan kendiri yang berkemungkinan mengalami masalah tingkah laku atau psikologi dan sukar untuk mencapai perkembangan diri secara normal tanpa intervensi pendidikan yang sesuai. Kumpulan remaja berisiko ini dilaporkan cenderung untuk lari dari rumah, cicir dari sekolah, terlibat dengan keganasan, jenayah dan gangguan psikologikal seperti kemurungan dan bunuh diri (Koc *et al.*, 2020; Pedditzi *et al.*, 2022; Awang Hashim *et al.*, 2024).

KPM (2018) menghuraikan ‘murid berisiko cicir’ sebagai murid warganegara Malaysia yang bersekolah dan mengikuti sistem pendidikan tetapi memperlihatkan kebarangkalian untuk meninggalkan sistem persekolahan lebih awal daripada tempoh pendidikan yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, murid yang tidak hadir untuk tempoh jangka masa yang lama disebabkan sakit kritikal yang telah mendapat pengesahan doktor, sedang mengikuti terapi rehabilitasi sehingga tidak dapat hadir ke sekolah untuk tempoh masa tertentu bukanlah murid yang dikategorikan sebagai berisiko cicir. Kesimpulannya, dalam kajian ini istilah ‘murid berisiko cicir’ adalah selaras dengan definisi yang diberikan KPM iaitu murid yang menunjukkan kemungkinan untuk berhenti sekolah sebelum tempoh yang ditetapkan dan dikenal pasti melalui Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMMBC) yang dikeluarkan KPM (2018). Dalam GPMMBC menyenaraikan tujuh kriteria yang perlu diambil kira untuk pengenalpastian murid berisiko cicir iaitu kehadiran murid, pencapaian akademik, salah laku disiplin di sekolah, jarak rumah dari sekolah, pendapatan isi rumah sebulan, status ibu bapa atau penjaga dan status Orang Kurang Upaya (OKU).

Faktor Keciciran di Malaysia

Keciciran pendidikan merupakan satu proses yang kompleks, dinamik dan memakan masa sebelum murid membuat keputusan untuk keluar dari sistem persekolahan (Kalkan & Dagh, 2021; Sacco & Le Rose, 2022; Pedditzi *et al.*, 2022). Keputusan untuk berhenti sekolah dipengaruhi pelbagai faktor seperti personaliti murid, pengaruh persekitaran sekolah dan keluarga sehingga menjelaskan perkembangan fasa persekolahan murid (Morshidi & Jusoh, 2019; Zakari *et al.*, 2022; De Coninck *et al.*, 2023). Tingkah laku tidak hadir ke sekolah sering menjadi faktor penentu dalam menentukan murid berisiko cicir (KPM, 2018; Sacco & Le Rose; UNICEF, 2022). Ketidakhadiran berlaku disebabkan pelbagai punca seperti murid terlibat dalam tingkah laku bermasalah (Huang & McKeown, 2022), devian (KPM, 2018 & Awang Hashim *et al.*, 2024) dan bekerja sambil belajar (Koc *et al.*, 2020). Latar belakang merangkumi demografi, kesihatan dan pengalaman lampau murid turut dikaitkan sebagai punca yang menyebabkan murid mengambil tindakan untuk tidak hadir ke sekolah sehingga pada akhirnya memutuskan untuk berhenti sekolah (Morshidi & Jusoh; Lawrence & Adebawale, 2022; Zakari *et al.*, 2022).

Bronfenbrenner (1979) berpendapat perkembangan psikologi, tingkah laku, emosi dan sosial individu merupakan hasil interaksi dalam persekitaran. Lapisan sistem teori ekologi yang diperkenalkan Bronfenbrenner (1979) menghuraikan secara terperinci bagaimana lapisan pertama (mikrosistem) dan lapisan kedua (mesosistem) yang merangkumi *setting* keluarga dan sekolah mempunyai perkaitan secara langsung dengan perkembangan murid berisiko cicir di peringkat sekolah menengah (Lawrence & Adebawale, 2022; Koc *et al.*, 2020). Murid yang mempunyai masalah penyesuaian dengan persekitaran pada peringkat mikrosistem keluarga dan sekolah dapat meningkatkan kadar keciciran. Justeru, kajian ini hanya berfokus kepada pengaruh persekitaran keluarga dan sekolah untuk memahami punca keciciran pendidikan dalam kalangan murid sekolah di peringkat menengah.

Faktor Persekutaran Keluarga

Sistem pendidikan di Malaysia menggariskan panduan bahawa individu yang berumur dalam lingkungan 13 tahun hingga 17 tahun perlu didaftarkan sebagai murid sekolah menengah. Pada peringkat umur ini, selaras dengan Akta Pendidikan Kanak-kanak (Akta 611) menjelaskan bahawa kanak-kanak berumur di bawah 18 tahun masih memerlukan jagaan dan kawalan ibu bapa (Pesuruhjaya Undang-Undang Malaysia, 2006). Dapatkan kajian terdahulu konklusif menyatakan faktor keluarga antara penyumbang utama yang menyebabkan murid meninggalkan alam persekolahan sebelum waktunya (Gil *et al.*, 2020; Lawrence & Adebawale., 2021; Pedditzi *et al.*, 2022; Mihic *et al.*, 2022).

Dalam institusi kekeluargaan, ibu bapa merupakan tunjang yang berperanan sepenuhnya untuk memperkembangkan emosi, sosial dan kognitif (Morshidi & Jusoh, 2019; Gil *et al.*, 2020; Mihic *et al.*, 2022). Rentetan itu, persekitaran keluarga yang tidak harmoni dan berpecah belah atau *broken home* meningkatkan kebarangkalian murid untuk berhenti sekolah (Lawrence& Adebawale, 2022). Bagi murid sekolah menengah yang masih dalam proses membentuk personaliti, kekurangan sumber kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa yang bercerai memberi impak kepada kesejahteraan psikologi menyumbang kepada risiko keciciran. Sokongan keluarga yang wujud melalui hubungan perapatan yang positif dengan anak didapati signifikan untuk meramlakan pencapaian akademik dan kejayaan menamatkan persekolahan (Gil *et al.*, 2020; Pedditzi *et al.*, 2022; Sacco & Le Rose, 2022). Ibu bapa atau penjaga yang bersifat prihatin dengan pendidikan

anak-anak menyokong dan terlibat secara aktif dalam aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan anak-anak.

Murid yang membesar dalam kemiskinan kurang terdedah dengan persekitaran yang boleh merangsang kognitif, tidak disediakan dengan tempat pembelajaran yang formal serta memiliki keterbatasan untuk memiliki bahan pembelajaran seperti media cetak, bahan digital dan gajet (Lawson & Lawson, 2020; Koc *et al.*, 2020). Bagi murid yang membesar dalam keluarga yang lebih daripada lima orang adik beradik dinyatakan kurang mendapat sokongan dan perhatian serta sumber kewangan yang terbatas kerana perlu dibahagikan dengan adik beradik yang lain (Dharmalingam & Rajanthiran, 2019; Lawrence & Adebawale, 2022). Suasana rumah yang kurang kondusif dan kurang selesa menyebabkan murid kurang motivasi untuk belajar sehingga menjelaskan pencapaian akademik dan pada akhirnya mengalami keciciran pendidikan (Dharmalingam & Rajanthiran, 2019; Zakari *et al.*, 2022).

Maka, dapat diringkaskan bahawa persekitaran keluarga memberi pengaruh yang mendalam terhadap kadar keciciran yang berlaku di peringkat sekolah melalui pelbagai faktor yang saling berkaitan. Pendekatan holistik diperlukan bagi menangani isu ini termasuk menyediakan sokongan kewangan, menggalakkan penglibatan ibu bapa, memastikan kestabilan dan keharmonian keluarga dan meningkatkan kesedaran kepentingan pendidikan dalam kalangan ibu bapa (Zakari *et al.*, 2022; Mihic *et al.*, 2022; Lawrence & Adebawale, 2022). Kewujudan persekitaran keluarga yang saling menyokong dapat menjadi penentu kepada usaha mengurangkan kadar keciciran dan menggalakkan kejayaan akademik.

Pengkaji lepas mencadangkan pengukuran yang berkesan haruslah dapat menyediakan data relatif kepada bagaimana individu mentafsir, memahami dan bertindak balas terhadap persekitaran keluarga yang boleh memberi pemahaman yang signifikan untuk meramal tindakan anak-anak (Gardner *et al.*, 2008). Pelbagai instrumen yang berkhusus kepada pengaruh persekitaran keluarga telah dibangunkan di luar negara seperti *Family Protective Factor* (Gardner *et al.*, 2008), *Brief Family Relationship Scale* (Carlotta *et al.*, 2014), *Family Inventory of Life Events and Changes* (McCubbin *et al.*, 1987) dan *Brief Family Assessment Measure-III* (Skinner *et al.*, 2000). Namun, sampel bagi instrumen sedia ada adalah dalam kalangan peringkat umur yang bervariasi iaitu kanak-kanak dan remaja. Maka, terdapat keperluan untuk

mengadaptasi instrumen sedia ada supaya lebih sesuai dengan konteks Malaysia yang berlainan bahasa, budaya dan latar belakang demografi daripada instrumen asal.

Faktor Persekutaran Sekolah

Sekolah merupakan institusi pendidikan formal yang secara umumnya menjadi tempat khusus untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Kualiti persekitaran sekolah ditentukan oleh iklim persekolahan yang boleh dizahirkan melalui kualiti hubungan antara individu di sekolah dan proses pengajaran dan pembelajaran (Kalkan & Dagh, 2021; Molinari & Grazia, 2023; De Coninck *et al.*, 2023). Dalam erti kata mudah, iklim sekolah merupakan produk yang terhasil daripada interaksi antara guru dan murid. Dalam institusi persekolahan, guru memainkan peranan yang signifikan dalam memupuk emosi dan tingkah laku yang positif dalam diri murid dengan menunjukkan minat serta memberi pujian kepada usaha murid, secara tidak langsung akan mempengaruhi persepsi murid terhadap diri sendiri dan sekolah (Gil *et al.*, 2020; Pedditzi *et al.*, 2022; Greer *et al.*, 2022).

Persekutaran sekolah boleh wujud dalam bentuk positif dan negatif, yang mana iklim sekolah yang positif dapat merealisasikan pengajaran yang efektif dan didapati berkesan dalam meningkatkan pencapaian akademik murid (Kalkan & Dagh, 2021; De Coninck *et al.*, 2023). Dapatkan temu bual bersama murid mendapati mereka lebih cenderung hadir dan melibatkan diri dengan aktiviti di sekolah yang menyediakan suasana harmoni, selamat dan kondusif (Molinari & Grazia, 2023; Greer *et al.*, 2022). Pentadbiran sekolah yang efektif boleh mengurangkan gejala ponteng, buli dan *burnout* (Gil *et al.*, 2020; Koc *et al.*, 2020; Lawson & Lawson, 2020). Sebaliknya, persekitaran sekolah yang negatif boleh menjelaskan keberfungsian sekolah secara keseluruhan. Pentadbiran dan sistem sekolah yang tidak teratur seperti peraturan sekolah yang longgar atau terlampau ketat dapat menyumbang kepada faktor keciciran murid.

Kajian terdahulu menekankan bahawa kadar keciciran mengalami penurunan apabila sekolah komited untuk memenuhi keperluan murid dari segi mewujudkan rasa kepunyaan dengan prasarana sekolah, rakan sekelas, keluarga dan komuniti (Sacco & Le Rose, 2022; Kalkan & Dagh, 2021). Murid yang mempunyai rasa kepunyaan yang tinggi mempunyai interaksi sosial yang baik dengan guru dan rakan sebaya, lebih menghargai nilai pendidikan, kerap menyertai aktiviti sekolah, memiliki tahap efikasi kendiri

yang tinggi dan sering hadir ke sekolah (Kalkan & Dagh, 2021; Greer *et al.*, 2022). Rasa kepunyaan, kasih sayang dan persahabatan merupakan keperluan asas manusia yang hanya boleh diperoleh melalui persekitaran yang kondusif dan menggalakkan interaksi positif.

Ringkasnya, kualiti persekitaran sekolah memainkan peranan penting untuk mewujudkan pendidikan yang berkesan. Interaksi warga sekolah yang terdiri daripada guru, murid dan staf sekolah mempengaruhi emosi dan tingkah laku yang positif secara tidak langsung meningkatkan persepsi dan sikap murid terhadap perwatakan sebuah sekolah (Gil *et al.*, 2020; Kalkan & Dagh, 2021; Sacco & Le Rose, 2022). Sekolah yang mempunyai watak positif, harmoni, selamat, kondusif dan memenuhi keperluan murid dapat mengurangkan kecenderungan murid ponteng sekolah sehingga dikategorikan sebagai murid cicir.

Oleh kerana persekitaran sekolah didapati signifikan dalam mempengaruhi perkembangan murid sekolah, maka banyak instrumen berbentuk soal selidik telah dibangunkan oleh pengkaji-pengkaji lepas (Aldridge & Ala ‘I, 2013; Gage *et al.*, 2015; Grazia & Molinari, 2021). Namun begitu, kebanyakan instrumen sedia ada bersifat umum dan menyasarkan sasaran responden yang tidak berfokus. Instrumen yang digunakan dalam kajian Huang dan McKeown (2022) pula menyasarkan remaja yang bermasalah delinkuen namun bukan berfokus kepada murid berisiko cicir dari alam persekolahan. Bilangan item dalam soal selidik sedia ada juga banyak, yang mana menurut Eisele *et al.* (2022) bilangan item yang banyak boleh menjaskan fokus, menambah rasa beban sehingga meningkatkan kecenderungan responden melangkau item. Selain itu, pilihan jawapan menggunakan skala Likert dalam instrumen sedia ada turut mengehadkan maklum balas responden.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian tinjauan secara rentasan (*cross sectional study*) yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Dalam kajian ini, proses untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan dilaksanakan pada peringkat kajian rintis melalui analisis penerokaan faktor (EFA) dan Cronbach Alpha. Penentuan jumlah responden mengambil kira cadangan Hair *et al.* (2019) yang menyatakan bahawa bilangan saiz sampel yang mencukupi untuk pelaksanaan analisis penerokaan faktor (EFA) adalah 100 orang. Berdasarkan data yang diperoleh secara manual daripada bahagian data Perancangan dan

Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 2023 seramai 4698 orang murid Tingkatan 4 di Sarawak dikategorikan sebagai berisiko cicir. Untuk tujuan kajian rintis, hanya 110 orang murid berisiko cicir dipilih melalui pensampelan secara rawak berkelompok daripada enam buah sekolah menengah di Sarawak. Pengesahan murid berisiko cicir dilakukan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dengan merujuk Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah yang dikeluarkan KPM pada tahun 2018. Manakala, data diperoleh melalui pentadbiran soal selidik dengan kerjasama Guru Bimbingan dan Kaunseling. Analisis penerokaan faktor (EFA) dan nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha dijalankan menggunakan perisian IBM-SPSS versi 26.

Instrumen Kajian

Item yang terkandung dalam soal selidik telah diadaptasi dan diubahsuai daripada beberapa pengkaji lepas iaitu *Inventory of Family Protective Factor (IPFP)* dibina oleh Gardner *et al.* (2008), *Brief Family Relationship Scale (BFRS)* dibangunkan Carlotta *et al.* (2014), *Multidimensional School Climate Questionnaire* dibina Grazia & Molinari (2021), *The Meriden School Climate Survey-Student Version* digunakan dalam kajian Gage *et al.* (2015) dan *What's Happening in This School (WHITS)* yang digubal oleh Aldridge & Ala 'I (2013). Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama, Bahagian A berkisar tentang demografi responden, Bahagian B adalah tentang soalan tentang persekitaran keluarga dan Bahagian C pula soalan yang berfokus kepada persekitaran sekolah. Jumlah soalan adalah sebanyak 16 soalan. Manakala, pilihan jawapan responden terdiri daripada skala selang dari 1 (langsung tidak benar tentang saya) sehingga 10 (sangat benar tentang saya).

Jadual 1: Penyataan Item dan Sumber Item

	Penyataan Item	Sumber Item
Keluarga		
K1	Saya bangga jadi sebahagian daripada keluarga saya.	Carlotta <i>et al.</i> (2014)
K2	Saya dapat kongsi masalah peribadi dengan keluarga saya.	Carlotta <i>et al.</i> (2014)
K3	Saya banyak habiskan masa lakukan aktiviti bersama keluarga di rumah.	Carlotta <i>et al.</i> (2014)
K3	Hubungan dalam keluarga saya baik dan saling menyokong antara Satu sama lain.	Gardner <i>et al.</i> (2008)
K5	Saya dapat bercakap dengan berterus terang sesama ahli keluarga Di rumah.	Carlotta <i>et al.</i> (2014)
K6	Orang lain menganggap keluarga saya mesra dan suka bergaul dengan kami.	Gardner <i>et al.</i> (2008)
K7	Dalam keluarga saya, sekurang-kurangnya ada seorang yang boleh dipercayai.	Gardner <i>et al.</i> (2008)

K8	Dalam keluarga saya, sekurang-kurangnya ada seorang yang ambil Berat tentang saya.	Gardner <i>et al.</i> (2008)
Sekolah		
S1	Saya berasa selamat di sekolah ini.	Gage <i>et al.</i> (2015)
S2	Peraturan sekolah melindungi saya.	Aldridge & Ala’I (2013)
S3	Guru melayan saya dengan adil di sekolah ini.	Aldridge & Ala’I (2013)
S4	Murid saling membantu di sekolah ini.	Grazia & Molinari (2021)
S5	Hubungan sesama murid di sekolah ini adalah mesra.	Grazia & Molinari (2021)
S6	Sekolah ini menjadikan murid bersemangat untuk belajar.	Gage <i>et al.</i> (2015)
S7	Murid dan guru bergaul dengan baik di sekolah ini	Grazia & Molinari (2021)
S8	Di sekolah ini, saya mempunyai kawan yang boleh dipercayai.	Gage <i>et al.</i> (2015)

Analisis Penerokaan Faktor (EFA)

Instrumen kajian ini telah diadaptasi daripada beberapa pengkaji lepas iaitu Gardner *et al.* (2008), Aldridge & Ala’I (2013), Carlotta *et al.* (2014), Gage *et al.* (2015) dan Grazia & Molinari (2021) berdasarkan tinjauan literatur dan diubahsuai untuk menepati keperluan kajian ini. Pra ujian dan kajian rintis haruslah dijalankan bagi mengesahkan instrumen yang telah diubahsuai, mengambil kira instrumen asal dibangunkan khusus untuk populasi sasaran yang berlainan budaya dan demografi daripada kajian ini (Awang *et al.*, 2018; Darusalam & Hussin, 2021). Item daripada kajian lepas adalah dalam Bahasa Inggeris dan telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu untuk mengurangkan halangan bahasa. Seterusnya, item yang diterjemahkan dinilai oleh dua orang guru pakar Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu bagi memastikan keselarasan makna ayat antara dua bahasa. Setelah proses ubahsuai selesai soal selidik ini dinilai oleh lima orang pakar yang terdiri daripada tiga orang pensyarah dan dua orang kaunselor bertujuan memastikan pengukuran adalah sesuai dan item difahami oleh populasi sasaran. Penambahbaikan terhadap item dilakukan setelah mendapat maklum balas daripada pakar.

Setelah itu, soal selidik ditadbir kepada 110 orang murid berisiko cicir di sekolah menengah dengan kerjasama guru bimbingan dan kaunseling. Oleh kerana item telah diubahsuai, maka prosedur EFA dipatuhi dan dijalankan untuk menjustifikasi keseluruhan item (Awang *et al.*, 2018). Umumnya, analisis faktor merupakan prosedur untuk mengurangkan dan menyusun item mengikut konstruk tertentu serta dijalankan untuk menentukan struktur asas antara pemboleh ubah, misalnya dalam pelaksanaan kajian rintis (Hair *et al.*, 2019; Darusalam & Hussin, 2021). Dalam kajian ini, EFA dilaksanakan pada peringkat kajian rintis sebagai kaedah untuk menentukan struktur asas pemboleh ubah serta menentukan sama ada item yang terkandung dalam

konstruk pengaruh persekitaran sekolah dan keluarga sesuai digunakan bagi kajian sebenar atau sebaliknya.

DAPATAN KAJIAN


Set soal selidik yang mewakili konstruk pengaruh persekitaran keluarga dan sekolah mengandungi 16 item. Item bagi pengaruh persekitaran keluarga dikodkan sebagai K1 hingga K8 manakala item bagi pengaruh persekitaran sekolah dikodkan sebagai S1 hingga S8 (Jadual 2). Jadual 2 di bawah menunjukkan daptan statistik secara deskriptif bagi setiap item dalam konstruk pengaruh persekitaran. Nilai min bagi setiap item dalam lingkungan 6.42 hingga 8.43, manakala nilai sisihan piawai pula dalam lingkungan 2.265 hingga 2.667.

Jadual 2: Statistik Deskriptif

Konstruk	Item	Min	Sisihan Piawai
Keluarga	K1	8.43	2.451
	K2	6.52	2.667
	K3	6.42	2.516
	K4	8.07	2.265
	K5	7.11	2.506
	K6	7.45	2.301
	K7	7.45	2.418
	K8	7.65	2.614
Sekolah	S1	6.98	2.556
	S2	6.88	2.558
	S3	7.16	2.489
	S4	6.88	2.486
	S5	6.83	2.534
	S6	7.20	2.437
	S7	7.51	2.486
	S8	7.39	2.616

Gambar Rajah 1 di bawah menunjukkan *scree plot* yang mengandungi nilai Eigen dan faktor. *Scree plot* ini dalam bentuk graf yang menunjukkan paksi x mewakili bilangan faktor manakala paksi y adalah nilai Eigen. Bilangan komponen yang menyumbang kepada nilai varian terbesar dapat dikenal pasti melalui garisan graf yang berbentuk menegak sebelum bentuk graf jadi mendatar. Melalui gambar rajah di bawah, komponen pertama hingga ketiga menyumbang kebanyakannya varians dalam data. Berdasarkan kriteria Kaiser, mengesyorkan bahawa komponen yang memiliki nilai Eigen lebih daripada 1 dikekalkan. Justeru, hanya tiga komponen pertama dikekalkan untuk analisis selanjutnya.

Rajah 1: *Scree Plot* bagi Instrumen Pengaruh Persekutaran



Analisis penerokaan faktor yang dijalankan menggunakan Analisis Komponen Utama (PCA) dengan Putaran Varimax dan kaedah Kaiser Normalization untuk meneroka 16 item yang terkandung dalam instrumen pengaruh persekitaran. Dapatan pada Jadual 3 di bawah menunjukkan nilai ujian Bartlett's adalah signifikan ($p < .05$). Ukuran kecukupan persampelan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) adalah .896 melebihi nilai minimum 0.6 (Hair *et al.*, 2019) mengesahkan bahawa penggunaan faktor sesuai dan ukuran kecukupan sampel adalah munasabah. Dapatlah disimpulkan bahawa teknik pengurangan data boleh diteruskan apabila nilai Ujian Bartlett's adalah signifikan dan $KMO > 0.6$ (Hair *et al.*, 2019).

Jadual 3: Ujian Bartlett's dan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)

<i>Kaiser-Meyer -Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>	Ukuran Kecukupan Persampelan	.896
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	Anggaran Chi-Square Sphericity	999.149
	Df	120
	Sig.	.000

Komponen dan Jumlah Varian yang Dijelaskan

Dapatkan pada Jadual 4 di bawah menunjukkan nilai Eigen melebihi 1.0 melalui prosedur analisis penerokaan faktor. Nilai Eigen berada dalam lingkungan 1.157 hingga 7.416. Manakala, varian yang dijelaskan bagi komponen 1 adalah 46.348%, komponen 2 pula 10.913% dan komponen 3 ialah 7.232%. Jumlah varian yang dijelaskan bagi item pengaruh persekitaran adalah 64.493% dan telah melepassi prasyarat minimum sebanyak 60% (Hair et al., 2019; Yong & Pearce, 2013).

Jadual 4: Jumlah Varian yang Dijelaskan (*Total Variance Explained*)

Komponen	Nilai Awal Eigen (<i>Initial Eigenvalues</i>)			Jumlah Ekstrak Pemberat kuasa dua (<i>Extraction Sums of Squared Loadings</i>)		
	Total	% of Variance	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %
1	7.416	46.348	46.348	7.416	46.348	46.348
2	1.746	10.913	57.261	1.746	10.913	57.261
3	1.157	7.232	64.493	1.157	7.232	64.493

Extraction Method: Principal Component Analysis

Jadual 5 di bawah menunjukkan tiga komponen hasil daripada putaran varimax. Berdasarkan analisis pada Jadual, dapat disimpulkan hampir semua item mempunyai muatan faktor lebih tinggi daripada 0.55. Menurut Hair et al. (2019), bagi saiz sampel dalam lingkungan 100 hingga 120 nilai muatan faktor yang signifikan adalah 0.55 hingga 0.90. Hanya dua item yang menunjukkan muatan faktor di bawah 0.55 iaitu item S3 dan K1 dan telah digugurkan. Oleh itu, 14 item dikenalkan memberi makna bahawa item sesuai digunakan dalam soal selidik pengaruh persekitaran dalam kalangan murid berisiko cicir.

Jadual 5: Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Pengaruh Persekutaran

Konstruk	Item	Komponen 1	Komponen 2	Komponen 3
Sekolah	S6	.812		
	S7	.787		
	S4	.767		
	S1	.754		
	S2	.715		
	S5	.713		
	S8	.642		
	S3	.409	Item digugurkan nilai muatan faktor rendah	
Keluarga	K7		.801	
	K6		.746	
	K8		.685	
	K3			.780
	K4			.737
	K5			.716
	K2			.640
	K1		Item digugurkan nilai muatan faktor rendah	.403

Extraction Method: Principal Component Analysis, Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization*

Analisis Kebolehpercayaan Dalaman

Nilai kebolehpercayaan dalaman bagi setiap komponen turut diukur dengan melihat nilai Alpha Cronbach. Menurut Hair *et al.* (2019), nilai minima Alpha Cronbach yang diterima adalah 0.70 untuk mendapatkan nilai kebolehpercayaan dalaman yang tinggi. Hasil analisis pada Jadual 6 menunjukkan nilai Alpha Cronbach setelah dua item digugurkan adalah .901, dengan perincian bagi konstruk pengaruh persekitaran sekolah adalah .897 manakala konstruk pengaruh persekitaran keluarga adalah .829. Dapatlah dirumuskan bahawa bahawa 14 item mempunyai kebolehpercayaan dalaman yang tinggi.

Jadual 6: Nilai Kebolehpercayaan bagi setiap konstruk (Setelah Item Digugurkan)

Konstruk	Bilangan Item	Cronbach Alpha (α)
Sekolah	7	.897
Keluarga	7	.829
Jumlah	14	.901

PERBINCANGAN

Tujuan kajian ini dilaksanakan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik yang dibangunkan bagi mengukur faktor persekitaran keluarga dan sekolah menggunakan analisis penerokaan faktor (EFA) dan Cronbach Alpha. Melalui EFA yang dilakukan, didapati 14 item dikekalkan manakala dua item digugurkan kerana mempunyai nilai muatan faktor yang rendah. Keseluruhannya, terdapat tiga komponen terhasil setelah melalui prosedur EFA. Komponen pertama adalah iklim sekolah, komponen kedua pula sokongan keluarga manakala komponen ketiga adalah komunikasi keluarga. Berbanding instrumen sedia ada, item dalam soal selidik ini lebih padat dan komprehensif. Jumlah item soalan yang sedikit dapat mengukur konstruk dalam kajian ini misalnya tujuh soalan dapat mengukur konstruk pengaruh persekitaran sekolah terhadap kadar keciciran murid di sekolah menengah.

Bagi konstruk faktor persekitaran sekolah, hanya satu komponen yang terhasil setelah EFA dijalankan iaitu iklim sekolah. Berbeza dengan konstruk faktor persekitaran keluarga, didapati dua komponen yang dihasilkan. Konstruk faktor persekitaran keluarga mempunyai sub dimensi iaitu sokongan keluarga

dan komunikasi keluarga. Dapatkan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Huang dan McKeown (2022) yang turut melaporkan bahawa konstruk faktor persekitaran keluarga mempunyai sub dimensi seperti keterbukaan, konflik, kawalan dan kebergantungan setelah melalui proses EFA. Konstruk pengaruh persekitaran keluarga bersifat lebih kompleks dengan kepelbagaiannya sub dimensi yang memberi indikator bahawa saling hubungan faktor wujud dalam konstruk ini.

Tiga komponen yang terhasil seiring dengan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang mengusulkan bahawa persekitaran dalam mikrosistem merupakan hubung kait antara ciri fizikal persekitaran, peranan individu serta tempoh masa berlakunya aktiviti dalam persekitaran tersebut. Dalam konteks kajian ini, murid berisiko cicir berperanan sebagai anak semasa berada dalam lingkungan keluarga dan sebagai murid apabila berada dalam persekitaran sekolah. Berdasarkan analisis data kualitatif yang dijalankan Koc *et al.* (2020), mendapati masalah penyesuaian murid pada peringkat mikrosistem keluarga dan sekolah dapat meningkatkan kadar keciciran.

Dapatkan kajian juga membuktikan bahawa item dalam soal selidik mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Dengan demikian, dapat disimpulkan bahawa instrumen ini adalah sah dan dipercayai untuk mengukur pengaruh persekitaran dalam kalangan murid berisiko cicir di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini turut memiliki batasan kajian kerana pemilihan sampel kajian terdiri daripada murid berisiko cicir yang berumur 16 tahun. Maka, generalisasi dapatan hanya tertakluk kepada murid berisiko cicir dalam lingkungan umur 16 tahun. Justeru, bagi kajian akan datang dicadangkan agar kajian secara lebih menyeluruh melibatkan murid berisiko cicir daripada pelbagai peringkat umur dilakukan supaya generalisasi mencakupi semua murid berisiko cicir yang bersekolah di peringkat menengah.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan yang diperoleh melalui analisis penerokaan faktor, dapat disimpulkan item yang dikekalkan dalam instrumen ini boleh diguna pakai dalam kajian sebenar kerana mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang memenuhi kriteria pengukuran psikometrik. Item yang terdapat dalam soal selidik lebih padat dan komprehensif kerana bilangan item yang minima dapat mengukur konstruk yang terlibat. Justeru, instrumen ini boleh digunakan

secara meluas dalam kalangan murid berisiko cicir. Ringkasnya, instrumen ini memberi impak dalam perkembangan bidang kaunseling dan psikometrik khususnya pengukuran murid berisiko cicir. Kesimpulannya, oleh sebab instrumen ini berfokus kepada murid berisiko cicir, maka adalah diharapkan instrumen ini boleh memberi sumbangan positif kepada penyediaan maklumat bagi merangka intervensi berfokus dalam usaha menangani keciciran murid.

Kenyataan Persetujuan Termaklum

Persetujuan termaklum telah diperoleh daripada subjek yang terlibat dalam pengumpulan data kajian ini.

Konflik Kepentingan

Tidak wujud konflik kepentingan dalam kajian ini.

Kenyataan Etika

Kajian ini dijalankan setelah mendapatkan kebenaran daripada Jawatankuasa Etika Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia pada 5 Disember 2023.

Sumbangan Penulis

Annie Jerry: Penulisan-draf asal, penyemakan, penyuntingan, pengumpulan data, metodologi & analisis formal. Mohd Muslim Md Zalli: Penyeliaan, penyemakan & penyuntingan & kesahan.

Dana Pembiayaan

Kajian ini tidak mendapat sumber dana pembiayaan dari mana-mana organisasi.

Penghargaan

Penghargaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Kenyataan Kesediaan Data

Data akan disediakan sekiranya wujud permintaan.

RUJUKAN

-
- Aldridge, J., & Ala'I, K. (2013). Assessing students' views of school climate: Developing and validating the What's Happening in This School (WHITS) questionnaire. *Improving Schools*, 16(1), 47-66.
- Awang Hashim, R., Hock, E. L., Jafar, M. F., Shanmugam, S. K. S., & Bukhari, N. (2024). Statistical identification of predictors of dropout in secondary education: Evidence from Malaysia. *Journal of the Asia Pacific Economy*. <https://doi.org/10.1080/13547860.2024.2306673>
- Awang, Z., Hui, L. S., & Zainudin, N. F. S. (2018). *Pendekatan mudah SEM structural equation modelling*. MPWS Rich Resources Sdn. Bhd.
- Bronfenbrenner, U. (1979). Contexts of child rearing: Problems and prospects. *American Psychologist*, 34(10), 844.
- Carlotta, F. C. C., Allen, J., & Henry, D. (2014). The brief family relationship scale: A brief measure of the relationship dimension in family functioning. *Assessment*, 21(1), 67-72. <https://doi.org/10.1177/107319111425856>
- Chung, J.Y. & Lee, S. (2019). Dropout early warning systems for high school students using machine learning. *Children and Youth Services Review*, 96, 346-353. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2018.11.030>.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Penerbit Universiti Malaya.
- De Coninck, D., Clycq, N., & Van Praag, L. (2023). School staff's view on causes of early school leaving in regular secondary and adult education: Identifying the role of individual, job related and school climate characteristics. *British Educational Research Journal*, 50, 753-771. <https://doi.org/10.1002/berj.3948>
- Dharmalingam, G. M., & Rajanthiran, S. P. (2019). Implikasi status sosioekonomi keluarga dan persekitaran terhadap keciciran murid India: Kajian kes di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(33), 284-297.
- Eisele, G., Vachon, H., Lafit, G., Kuppens, P., Houben, M., Myin-Germeys, I., & Viechtbauer, W. (2022). The effects of sampling frequency and questionnaire length on perceived burden, compliance, and careless responding in experience sampling data in a student population. *Assessment*, 29(2), 136-151. <https://doi.org/10.1177/1073191120957102>
- Gage, N. A., Larson, A., & Chafouleas, S. M. (2015). The Meriden school climate survey student version: Preliminary evidence of reliability

-
- and validity. *Assessment for Effective Intervention*, 41(2), 67-78.
<https://doi.org/10.1177/1534508415596960>
- Gardner, D. L., Huber, C. H., Steiner, R., Vazquez, L. A., & Savage, T. A. (2008). The development and validation of the Inventory of Family Protective Factors: A brief assessment for family counseling. *The Family Journal*, 16(2), 107–117.
- Gil, A. J., Antelm-Lanzat, A. M., Cacheiro-González, M. L., & Pérez-Navío, E. (2020). The effect of family support on student engagement: Towards the prevention of dropouts. *Psychology in the Schools*, 58(6), 1082-1095. <https://doi.org/10.1002/pits.22490>
- Grazia, V., & Molinari, L. (2021). School Climate Research: Italian Adaptation and Validation of a Multidimensional School Climate Questionnaire. *Journal of Psychoeducational Assessment*, 39(3), 286–300. <https://doi.org/10.1177/0734282920967141>
- Greer, W., Clark-Louque, A., Balogun, A., & Clay, A. (2022). Race-neutral doesn't work: Black males' achievement, engagement, and school climate perceptions. *Urban Education*, 57(7), 1259-1287.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2019). *Multivariate analysis* (8th ed.). Annabel Ainscow.
- Huang, Y., & McKeown, S. (2022). Examining the association between family environment and adolescent delinquent behaviors in China. *Journal of Child and Family Studies*, 31, 2871-2884. <https://doi.org/10.1007/s10826-022-02348-4>
- Kalkan, F., & Dagh, E. (2021). The relationship between school climate, school belonging, and school burnout according to the views of secondary school students. *International Journal of Contemporary Educational Research*. <https://doi.org/10.33200/ijcer.878682>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Bilangan 4 Tahun 2018. Garis panduan mengurus murid berisiko cicir di sekolah. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1935----surat-pekeliling-ikthisas-bilangan-4-tahun-2018-garis-panduan-mengurus-muridberisiko-cicir-di-sekolah/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2022). Laporan Tahunan 2022 Pelan Pembangunan Malaysia 2013-2025.
- Koc, M., Zorbaz, O., & Demirtas-Zorbaz, S. (2020). Has the ship sailed? The causes and consequences of school dropout from an ecological viewpoint. *Social Psychology of Education*, 23(5), 1149-1171.

-
- Lawrence, C. K., & Adebawale, T. A. (2022). Adolescence dropout risk predictors: Family structure, mental health and self-esteem. *Journal Community Psychology*, 5(1), 120-136. <https://doi.org/10.1002/jcop.22884>
- Lawson, H. A., & Lawson, M. A. (2020). Student engagement and disengagement as a collective action problem. *Education Sciences*, 10(8), 212.
- McCubbin, H. I., Patterson, J. M., & Wilson, L. R. (2013). Family inventory of life events and changes. In *Handbook of measurements for marriage and family therapy* (pp. 194-198). Routledge.
- Molinari, L., & Grazia, V. (2023). A multi-informant study of school climate: student, parent and teacher perceptions. *European Journal of Psychology of Education*, 38, 1403-1423. <https://doi.org/10.1007/s10212-022-00655-4>
- Mihic, J., Skinner, M., Novak, M., Ferić, M., & Kranželić, V. (2022). The importance of family and school protective factors in preventing the risk behaviors of youth. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(3), 1630.
- Morshidi, N., & Jusoh, A. J. (2019). Konsep murid berisiko cicir (mbc) di sekolah. In Mohd Hussin, A. B., Abdul Kadir, R., Zakaria, N. S., Harun, M. M., Subarimaniam, N., Ismail, A., & Jailani, O. (Eds.), *Prosiding Konvensyen Kaunseling Kebangsaan Kali ke 21, Pendayaupayaan Kendiri Melalui Kaunseling* (ms. 260-275). Perkama International.
- Pedditzi, M. L., Fadda, R., & Lucarelli, L. (2022). Risk and protective factors associated with student distress and school dropout: A Comparison between the Perspectives of Preadolescents, Parents, and Teachers. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(12), 12589, 1-14. <https://doi.org/10.3390/ijerph191912589>
- Pesuruhjaya Undang-Undang Malaysia. (2006). *Akta 611: Akta kanak-kanak 2001*. Pencetakan Nasional Malaysia Bhd.
- Sacco, C., & le Rose, G. (2022). Network analysis of early school dropouts' risk factors in Italy. *Social Psychology of Education*. <https://doi.org/10.1007/s11218-021>
- Serna, C., & Martínez, I. (2019). Parental involvement as a protective factor in school adjustment among retained and promoted secondary students. *Sustainability*, 11(24), 7080. <https://doi.org/10.3390/su11247080>

-
- Skinner, H., Steinhauer, P., & Sitarenios, G. (2000). Family assessment measure (FAM) and process model of family functioning. *Journal of Family Therapy*, 22(2), 190-210.
- United Nations Children's Fund (UNICEF). (2022). Where are we on education recovery. Diakses daripada <https://www.unicef.org/reports/where-are-we-on-education>
- Yong, A. G., & Pearce, S. (2013). A beginner's guide to factor analysis: Focusing on exploratory factor analysis. *Tutorials in Quantitative Methods for Psychology*, 9(2), 79-94.
- Zakari, N., Abd Majid, M. Z., & Hussin, M. (2022). Keciciran murid sekolah di Malaysia: Suatu pemerhatian awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 111. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>